

BAB PERTAMA

PENGENALAN *ĀYĀT AL-AḤKĀM* DAN KARYA-KARYA TAFSIR *ĀYĀT AL-AḤKĀM*

1.0 PENGENALAN

Ilmu tafsir al-Quran¹ telah berkembang dengan pesat bermula sejak penurunan al-Quran al-Karim ke atas baginda Nabi S.A.W. Ilmu tersebut telah melalui banyak fasa. Fasa pertama ialah tafsir al-Quran pada zaman Nabi S.A.W. dan para sahabat R.A. Zaman tersebut adalah fasa yang terbaik. Fasa kedua ialah tafsir al-Quran pada zaman tabiin². Kedua-dua fasa ini menyaksikan al-Quran ditafsirkan melalui riwayat dan *al-athār*³.

Fasa ketiga ialah tafsir al-Quran pada zaman pembukuan (التدوين). Pada waktu itu, perkembangan tafsir al-Quran terserlah melalui karya-karya tulisan para ulama dan pentafsirannya tidak hanya bersandar kepada riwayat dan *al-athār* bahkan mula menggunakan pendapat dan *al-ijtihād*. Fasa keempat adalah tafsir al-Quran pada zaman moden. Fasa tersebut mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana banyak

¹ Ilmu tafsir al-Quran dari sudut istilah ialah ilmu yang membincangkan tentang al-Quran al-Karim dari sudut ilmu tersebut menjadi petunjuk kepada maksud yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. dengan kadar keupayaan manusia. Lihat al-Zurqānī (2001), *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 2. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 7. Imam al-Zarkashī mentakrifkan ilmu tafsir sebagai suatu ilmu yang diketahui dengannya kefahaman Kitab Allah S.W.T. yang diturunkan ke atas Nabi-Nya Muhammad S.A.W, penjelasan makna-maknanya dan mengeluarkan hukum-hakam serta hikmah-hikmah daripadanya. Lihat Imam Badr al-Dīn Muhammad bin 'Abd Allāh al-Zarkashī (1972), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, c. 2, j. 1, Kaherah: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Sharikāhu, h. 13. Lihat juga al-Dhababī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 1, c. 8. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 14.

² Tabiin ialah (jama bagi tabi) pengikut (menurut ilmu hadis, mereka ialah orang yang bertemu dan berguru dengan para sahabat tetapi tidak bertemu dengan Rasulullah S.A.W.). Lihat Kamus Dewan edisi keempat (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1562.

³ *al-Athār* dari sudut bahasa ialah menukulkan dan meriwayatkan sesuatu daripada orang lain. Lihat Jamā'ah min Kibār al-Lughawīyyīn al-'Arab (2003), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Tūnis: Muassasah Lārous al-'Ālamīyyah, h. 69. Dari sudut istilah, para ulama berselisih dalam mentakrifkan *al-athār* kepada dua pendapat: Pertama: *al-Athār* seerti dengan *al-ḥadīth* (perkara yang disandarkan kepada Nabi S.A.W. daripada perkataan, perbuatan, perakuan atau sifat). Kedua: *al-Athār* adalah perkara yang diriwayatkan daripada selain Nabi S.A.W. sama ada para sahabat atau para tabiin sama ada perkataan atau perbuatan. Lihat Dr. Maḥmūd al-Ṭaḥḥān (1996), *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*, c. 9. Riyāq: Maktabah al-Ma'ārif, h. 16.

mengaitkan maksud-maksud al-Quran dengan kehidupan. Tafsir *āyāt al-aḥkām* tidak ketinggalan dalam melalui perkembangan tersebut.

Bab ini akan menghuraikan secara jelas maksud *āyāt al-aḥkām*, penggunaan istilah tersebut, sejarah perkembangan, karya-karya ulama dalam mentafsirkan *āyāt al-aḥkām* dan metodologi mereka dalam pentafsiran.

1.1 *ĀYĀT AL-AḤKĀM*

1.1.1 DEFINISI

Dalam bahasa Arab, *āyāt al-aḥkām* terbentuk daripada susunan perkataan yang disandarkan (التركيب الإضافي) daripada dua kalimah iaitu *āyāt* (آيات) dan *al-aḥkām* (الأحكام). Perkataan *āyāt* (آيات) adalah *jama' al-mu'annath al-sālim*⁴ (جمع المؤنث السالم) kepada *āyah* (آية). Perkataan tersebut digunakan dalam bahasa Arab dengan beberapa maksud seperti mukjizat, alamat, peringatan, sesuatu yang ajaib dan jemaah.⁵ Dari sudut istilah, *āyah* bermaksud sekelompok ayat yang mempunyai permulaan dan pengakhiran yang terdapat di dalam al-Quran.⁶ Imam al-Jurjānī mentakrifkan *āyah* sebagai: “Sekelompok daripada ayat al-Quran yang berhubungan antara satu sama lain sehingga akhir (ayat tersebut), sama ada panjang atau pendek”.⁷

⁴ *Jama' al-mu'annath al-sālim* ialah sesuatu yang menunjukkan perkara yang lebih daripada dua dengan tambah huruf 'Alif dan ta' di akhirnya. Lihat Muḥammad Muḥyi al-Dīn 'Abd. Ḥamīd (1989), *al-Tuḥfah al-Saniyyah bi Sharḥ al-Muqaddimah al-Ājurrūmiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h. 20.

⁵ Lihat al-Zurqānī (2001), *Manāhil al-'Irfān fī 'Ulūm al-Qur'ān*, j. 1. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 285.

⁶ *Ibid.*

⁷ Lihat al-Jurjānī (1987), *al-Ta'rīfāt*, c. 1, Beirut: 'Ālam al-Kutub, h. 65.

Perkataan *al-aḥkām* (الأحكام) pula adalah *jama' al-taksīr*⁸ (جمع التفسير) daripada perkataan *al-ḥukm* (الحكم). Dari sudut bahasa, *al-ḥukm* bermakna memutuskan, menguraikan, raja, kekuasaan dan meneguhkan.⁹ Dari sudut istilah, terdapat perbezaan pendapat antara ulama *Uṣūl al-Fiqh*¹⁰ dan para *al-Fuqaha*¹¹ dalam mentakrifkan *al-ḥukm*. Di sisi ulama *Uṣūl al-Fiqh*, *al-ḥukm* bermakna *khitāb*¹² Allah S.W.T. yang berkaitan dengan kelakuan mukalaf (مكلف)¹³ sama ada dengan tuntutan atau dengan pilihan.¹⁴

Maksud *khitāb* Allah S.W.T. di dalam takrif di atas ialah kalam-Nya sama ada ditunjuk oleh al-Quran al-Karim secara terus atau dengan *al-sunnah*¹⁵, atau dengan *al-*

⁸ *Jama' al-taksīr* ialah sesuatu yang menunjukkan perkara yang lebih daripada dua (*muzakkar*) atau dua (*mu'annath*) bersama pertukaran bentuk asal ketika *mufradnya*. Lihat Muḥammad Muḥy al-Dīn 'Abd. Ḥamīd (1989), *al-Tuḥfah al-Saniyyah bi Sharḥ al-Muqaddimah al-Ājurrūmiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah, h. 19.

⁹ Lihat Dr. Maḥmūd 'Abd al-Raḥmān 'Abd al-Mun'im (1999), *Mu'jam al-Muṣṭalahāt wa al-Alfāz al-Fiqhiyyah*, j. 1. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, h. 581-582.

¹⁰ *Uṣūl al-Fiqh* ialah mengetahui dalīl-dalīl fiqah secara *ijmālī*, cara fiqah mengambil *istifādah* daripadanya dan mengetahui perihal orang yang mengambil faedah daripada dalīl-dalīl tersebut. Lihat Dr. 'Abd al-Fattāḥ Aḥmad Quṭb al-Rakhmīsī (2001), *al-Taḥqīq al-Ma'mūl lī Minhāj al-Uṣūl 'alā al-Minhāj li al-Imām al-Bayḍāwī*, c. 2. Kaherah: Muassasah Qurtubah, h. 70-71.

¹¹ *al-Fuqaha* adalah *jama'* kepada *al-faqīh* (الفقيه) yang membawa maksud orang yang alim dalam usul-usul syariah dan hukum-hakamnya. Lihat Jamā'ah min Kibār al-Lughawīyyīn al-'Arab (2003), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Tūnis: Muassasah Lārous al-'Ālamīyyah, h. 947.

¹² *al-Khitāb* ialah perkataan yang memberi faedah yang diajukan kepada orang lain. Lihat Prof. Dr. Muḥammad Abū al-Nūr Zahīr (2005), *Uṣūl al-Fiqh*, j. 1. Kaherah: Dār al-Baṣā'ir, h. 69.

¹³ Mukalaf ialah orang yang sampai umur balīgh dan berakal serta sampai seruan dakwah. *Ibid.*, j. 1. h. 70. Lihat Dr. 'Abd al-Fattāḥ Aḥmad Quṭb al-Rakhmīsī (2001), *al-Taḥqīq al-Ma'mūl lī Minhāj al-Uṣūl 'alā al-Minhāj li al-Imām al-Bayḍāwī*, c. 2. Kaherah: Muassasah Qurtubah, h. 80. Prof. Dr. 'Alī Jum'ah Muḥammad menambah selamat anggota deria (سليم الخواس). Lihat Prof. Dr. 'Alī Jum'ah Muḥammad (2002), *al-Ḥukm al-Shar'ī 'ind al-Uṣūliyyīn*, c. 1. Kaherah: Dār al-Salām, h. 46. Mukalaf dalam Kamus Dewan edisi keempat bermaksud orang yang telah cukup umur yang wajib melaksanakan perintah Allah. Lihat Kamus Dewan (2010), edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1051.

¹⁴ Ia adalah takrif al-Imām al-Bayḍāwī. Lihat Dr. 'Abd al-Fattāḥ Aḥmad Quṭb al-Rakhmīsī (2001), *al-Taḥqīq al-Ma'mūl lī Minhāj al-Uṣūl 'alā al-Minhāj li al-Imām al-Bayḍāwī*, c. 2. Kaherah: Muassasah Qurtubah, h. 79-80.

¹⁵ *al-Sunnah* di sisi ulama *Uṣūl al-Fiqh* ialah perkara yang keluar daripada Nabi S.A.W. daripada perkataan yang tidak dimaksudkan dengannya *al-i'jāz* atau perbuatan atau perakuan. *al-Sunnah* juga bermaksud apa yang diberi pahala kerana mengerjakannya dan tidak diseksa atas meninggalkannya. Lihat Prof. Dr. Muḥammad Abū al-Nūr Zahīr (2005), *Uṣūl al-Fiqh*, j. 3. Kaherah: Dār al-Baṣā'ir, h. 123.

*ijmā'*¹⁶ atau dengan *al-qiyās*¹⁷ atau dengan dalil-dalil syarak lain¹⁸ yang bertindak mendedahkan *khitāb* Allah S.W.T. dan memberitahu baginya.¹⁹

Maksud tuntutan ialah perintah sama ada perintah supaya membuat sesuatu atau meninggalkan sesuatu. Perintah supaya membuat sesuatu pula ialah sama ada dengan mesti atau tidak mesti. Perintah supaya membuat sesuatu dengan mesti ialah wajib. Perintah supaya membuat sesuatu dengan tidak mesti pula adalah sunat. Demikian juga perintah meninggalkan sesuatu sama ada dengan mesti atau tidak mesti. Perintah supaya meninggalkan sesuatu dengan mesti ialah haram manakala perintah supaya meninggalkan sesuatu dengan tidak mesti ialah makruh. Maksud pilihan pula ialah perkara yang sama antara membuat sesuatu atau meninggalkannya tanpa ada pemberat antara kedua-duanya supaya melakukan atau memilih satu perkara di atas perkara yang lain. *Khitāb* bentuk ini dinamakan harus.²⁰

Di sisi para *al-Fuqaha'*, *al-ḥukm* membawa makna kesan *khitāb* Allah S.W.T. yang berkaitan dengan kelakuan mukalaf sama ada dengan tuntutan (buat atau tinggal) atau dengan pilihan seperti kewajipan mendirikan solat adalah kesan daripada *khitāb* Allah S.W.T. yang berbunyi وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ.²¹

Sebagai contoh lebih jelas untuk menggambarkan perbezaan di antara kedua-dua takrif di atas ialah firman Allah S.W.T.:

¹⁶ *al-Ijmā'* ialah kesepakatan *Ahl al-Ḥall wa al-'Aqd (al-mujtahidūn)* daripada umat Nabi Muhammad S.A.W. terhadap suatu perkara daripada semua perkara. Dr. 'Abd al-Fattāh Aḥmad Qutb al-Rakhmīsī (2001), *op.cit.*, h. 409.

¹⁷ *al-Qiyās* ialah mensabitkan samanya hukum yang diketahui pada perkara lain yang diketahui kerana bersekutu keduanya pada sebab hukum. *Ibid.*, h. 439.

¹⁸ Dalil-dalil syarak lain adalah seperti *al-aṣl al-ibāḥah*, *al-istiṣḥāb*, *al-istiqrā'*, *maṣālih al-mursalah*, *qawl al-ṣahābī*, *al-istiḥsān*, *al-'urf* dan lain-lain.

¹⁹ Lihat Prof. Dr. 'Alī Jum'ah Muḥammad (2002), *al-Ḥukm al-Shar'ī 'ind al-Uṣūliyyīn*, c. 1. Kaherah: Dār al-Salām, h. 46.

²⁰ *Ibid.*, h. 47-48.

²¹ *Ibid.*, h. 48.

وَلَا تَقْرُبُوا الزَّوْجَاتِ الَّتِي هُنَّ كَانُوا فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

Surah al-Isrā' (17): 32.

Maksudnya: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat(yang membawa kerusakan).²²

Khitāb Allah S.W.T. dalam ayat di atas adalah *al-ḥukm* di sisi ulama *Uṣūl al-Fiqh*, manakala apa yang terkandung dalam ayat itu pula adalah kesan kepada *khitāb* tersebut, iaitu pengharaman zina (ke atas mukalaf).²³

1.1.2 BAHAGIAN-BAHAGIAN *ĀYĀT AL-AḤKĀM*

Berdasarkan takrif *al-āyah* dan *al-ḥukm* sebagaimana di atas, *āyāt al-aḥkām* boleh didefinisikan sebagai sekelompok ayat al-Quran yang menitikberatkan penjelasan hukum-hakam *al-shar'iyah* dan menunjukkan kepadanya secara langsung sama ada hukum itu berkaitan dengan akidah, amalan furuk (فروع)²⁴ atau akhlak dan budi pekerti. Wahbah sendiri telah membahagikan *āyāt al-aḥkām* atau *aḥkām al-Qur'ān* kepada tiga bahagian iaitu:²⁵

1. *al-Aḥkām al-i'tiqādiyyah* (hukum-hakam perkara akidah)
2. *al-Aḥkām al-khuluqiyah* (hukum-hakam akhlak)

²² Lihat Sheikh Abdullah Basmeih (1983), *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, c. 6. Kuala Lumpur: Percetakan Adabi, h. 557.

²³ Lihat al-Sheikh Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān (1976), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, c. 6. Kaherah: Muassasah Qurṭubah, h. 25.

²⁴ Perkataan furuk adalah *jama'* kepada (فروع) membawa makna cabangan, apa yang tercabang daripada yang lain. Lihat Jamā'ah min Kibār al-Lughawiyīn al-'Arab (2003), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Tūnis: Muassasah Lārous al-'Ālamiyyah, h. 928. Mengikut takrif Kamus Dewan edisi keempat, furuk ialah persoalan cabang dalam kewajiban agama. Lihat Kamus Dewan edisi keempat (2010), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 418.

²⁵ Lihat al-Zuhayli (1998), *Uṣūl al-Fiqh al-'Islāmī*, c. 2, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 438-441.

3. *al-Aḥkām al-‘amaliyyah* (hukum-hakam perbuatan mukalaf) yang merangkumi perkara ibadah dan muamalah²⁶.

Demikian juga dengan tokoh-tokoh ulama yang lain seperti ‘Abd al-Wahhāb Khallāf di dalam karyanya *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*²⁷ dan ‘Abd al-Karīm Zaydān di dalam *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*²⁸. Mereka membahagikan *āyāt al-aḥkām* kepada tiga bahagian seperti di atas.

Walau bagaimanapun, ulama mengkhususkan maksud *āyāt al-aḥkām* kepada hukum-hakam al-Quran yang dikaitkan kepada *al-aḥkām al-‘amaliyyah* yang lebih dikenali sebagai *aḥkām al-fiqhiyyah*. Pengkhususan ini bermakna ketika digunakan perkataan *āyāt al-aḥkām*, perkataan itu membawa maksud ayat-ayat yang menjelaskan *aḥkām al-fiqhiyyah* sama ada secara nas ayat dengan jelas atau secara *istinbāṭ*.

1.1.3 KONSEP PENTAFSIRAN *ĀYĀT AL-AḤKĀM*

Konsep pentafsiran *āyāt al-aḥkām* ialah penjelasan dan pendedahan maksud Allah S.W.T. di dalam *āyāt al-aḥkām* dengan kadar kemampuan dan keupayaan manusia mengikut disiplin-disiplin yang ditetapkan oleh para ulama dalam pentafsiran al-Quran. Konsep ini adalah manifestasi daripada definisi tafsir secara umum

²⁶ Perkara ibadah adalah seperti bersuci, solat, puasa, zakat dan haji manakala perkara muamalah termasuk hukum rumah tangga, hukum bersosial dalam masyarakat, jenayah, ekonomi, perundangan, kenegaraan dan sebagainya. Lihat al-Zuhaylī (1998), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, c. 2, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 438-441.

²⁷ Dr. ‘Abd al-Wahhāb Khallāf (2002), *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, c. 8, Kaherah: Maktabah al-Da‘wah al-Islāmiyyah Syabāb al-‘Azhar, h. 32-34.

²⁸ Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān (1998), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, c. 15, Beirut: Muassasah al-Risālah, h.156-159.

sebagaimana dinyatakan oleh al-Dhahabī selepas beliau meneliti definisi tafsir oleh kebanyakan ulama.²⁹

Maksud penjelasan ialah penerangan kehendak *āyāt al-aḥkām* dan pemahaman maknanya. Maksud pendedahan pula ialah membuka pengetahuan tentang maksud *āyāt al-aḥkām* yang sebelumnya tertutup tidak diketahui. Perkataan kadar kemampuan dan keupayaan manusia pula merujuk kepada tahap penjelasan dan pendedahan maksud Allah S.W.T. di dalam *āyāt al-aḥkām* yang mampu dicapai oleh daya fikiran manusia yang terbatas. Ini kerana al-Quran adalah kitab Allah S.W.T. dan hanya Allah S.W.T. yang mengetahui hakikat sebenar maksud-maksud *khīṭāb*-Nya di dalam sesuatu ayat yang diturunkan. Perkara-perkara yang tidak mampu dicapai oleh akal kemanusiaan perlu diimani dengan yakin dan menyerahkan maksudnya kepada empunya, iaitu Allah S.W.T.

Maksud perkataan mengikut disiplin-disiplin yang ditetapkan oleh para ulama dalam pentafsiran al-Quran pula merujuk kepada perkara-perkara yang perlu ada kepada seorang pentafsir al-Quran. Perkara-perkara tersebut meliputi syarat-syarat yang melayakkan seseorang itu bermuamalah dengan ayat-ayat al-Quran lebih-lebih lagi *āyāt al-aḥkām*. Ia juga perlu meraikan tuntutan-tuntutan semasa yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa, tempat, suasana dan perwatakan manusia.

Kewujudan pentafsiran *āyāt al-aḥkām* di dalam dunia ilmu Islam adalah penting bagi menentukan kesahihan dan ketepatan kefahaman umat Islam terhadap perintah-perintah Allah S.W.T yang terkandung di dalam *āyāt al-aḥkām*. Dalam masa yang sama, kewujudannya boleh mencegah kemasukan anasir-anasir luar yang tidak ada

²⁹ Lihat al-Dhahabī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 1, c. 8. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 12-14.

dalam Islam dan menutup ruang-ruang yang boleh ditembusi oleh akal manusia semata-mata ke dalam pentafsiran *āyāt al-aḥkām*.

Para ulama sepanjang zaman amat mengambil berat tentang pentafsiran *āyāt al-aḥkām* sama ada dengan menerbitkan karya atau dengan menjelaskan maksud *āyāt al-aḥkām* di dalam majlis-majlis ilmu di hadapan khalayak. Walaupun pendekatan-pendekatan mereka berbeza dalam mentafsirkan *āyāt al-aḥkām* akan tetapi matlamatnya adalah satu, iaitu menjelaskan dan mendedahkan maksud Allah S.W.T. di dalam *āyāt al-aḥkām* dengan kadar kemampuan dan keupayaan mereka.

Bagi setiap zaman itu ada nilai pemikiran dan piawai pertimbangan ilmiah masing-masing. Generasi zaman moden tidak boleh menghukum apa yang dilakukan oleh generasi sebelum dengan menggunakan piawai generasi zaman moden ini.³⁰ Sesungguhnya, apa yang dilakukan oleh ulama zaman moden adalah bermula daripada apa yang sudah dinoktahkan oleh para ulama terdahulu.

Oleh itu, peranan para ulama adalah penting untuk memastikan mesej Allah S.W.T. di dalam *āyāt al-aḥkām* sampai kepada umat. Peranan ini sudah tentu menuntut para ulama untuk mengenali, mengetahui, memahami dan menyelami zaman yang mana mereka hidup padanya.

Daripada perbincangan di atas, konsep pentafsiran *āyāt al-aḥkām* boleh dirumuskan sebagai suatu penjelasan dan pendedahan yang berkesan terhadap maksud Allah S.W.T. dalam *āyāt al-aḥkām* berasaskan maklumat-maklumat yang sahih dengan mengikut disiplin-disiplin yang telah ditetapkan sekadar kemampuan yang boleh dicapai

³⁰ Lihat Dr. Muḥammad al-Disūqī (2003), *Manhaj al-Baḥth fi al-'Ulūm al-Islāmiyyah*, c. 2. Doha: Dār al-Thaqāfah, h. 218.

oleh akal manusia serta meraikan tuntutan masa, tempat, suasana dan perwatakan manusia.

1.1.4 BILANGAN *ĀYĀT AL-AḤKĀM*

Ulama berselisih pendapat dalam menentukan jumlah *āyāt al-aḥkām*. Secara umum, pendapat-pendapat mereka boleh dihimpunkan kepada dua:

1. **Pendapat pertama:** *Āyāt al-aḥkām* itu boleh dihitungkan dan ia melibatkan beberapa ayat sahaja daripada al-Quran.

Kemudian mereka berselisih dalam menentukan jumlah tersebut. Ada ulama yang menentukan jumlahnya sebanyak lima ratus ayat. Terdapat juga pendapat para ulama yang mengatakan jumlahnya ialah dua ratus ayat sahaja dan ada juga yang mengatakan bilangannya hanya sebanyak seratus lima puluh ayat sahaja.³¹

Imam al-Ghazālī ada menyebut bahawa seorang mujtahid atau mufti tidak disyaratkan mengetahui semua ayat al-Quran akan tetapi wajib mengetahui ayat-ayat yang berkaitan dengan hukum sahaja dan bilangannya ialah lima ratus ayat.³² Imam al-Rāzī dan Ibn al-‘Arabī bersepakat dengan pendapat Imam al-Ghazālī tentang bilangan tersebut.³³

Abū al-Ṭayyib Siddīq bin ‘Alī al-Ḥusaynī al-Qanūjī al-Bukhārī menegaskan bahawa: “Ada pendapat yang menyatakan bilangan *āyāt al-aḥkām* ialah lima ratus ayat

³¹ *Ibid.*

³² Lihat Imām Abū Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazālī (1324H), *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, c. 1, j. 2, Kaherah: al-Maṭba‘ah al-‘Amīriyyah, h. 350-351

³³ Lihat al-Imam al-Zarkāshī (), *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur‘ān*, j. 2, c. 3. Kaherah: Maktabah Dār al-Turath, h. 3.

dan pendapat tersebut tidak benar. Akan tetapi bilangannya adalah dua ratus ayat sahaja atau pun hampir dua ratus ayat.³⁴ Demikian juga Aḥmad 'Amīn al-Miṣrī bersetuju dengan mengatakan jumlah *āyāt al-aḥkām* hanya dua ratus ayat sahaja.³⁵

2. **Pendapat kedua:** *Āyāt al-aḥkām* itu tidak terhingga banyaknya sehingga setiap ayat daripada al-Quran boleh diistinbātkan hukum yang tertentu daripadanya.

Ini adalah pendapat kebanyakan ulama. Antaranya ialah Imam 'Izz al-Dīn bin 'Abd al-Salām, al-Qarāfī, al-Ṭūfī, al-Zarkashī, Ibn Juzayy, Imam al-Suyūṭī, Ibn al-Najjār, al-Shawkānī dan al-Shanqīṭī.³⁶ Imam al-Shawkānī menegaskan: “Dakwaan mengatakan *āyāt al-aḥkām* dengan jumlah yang tertentu hanyalah melihat pada zahir kerana suatu yang telah diputuskan (dalam agama) bahawa terdapat ayat-ayat dalam al-Quran yang boleh mengeluarkan hukum yang banyak, bahkan bagi mereka yang mempunyai keupayaan dan daya faham yang betul dan *tadabbur*³⁷ yang sempurna mampu mengeluarkan hukum daripada ayat-ayat *qiṣaṣ*³⁸ dan *amthāl*^{39 40}.”

³⁴ Lihat Abū al-Ṭayyib Siddīq bin 'Alī al-Ḥusaynī al-Qanūjī al-Bukhārī (2003), *Nayl al-Marām min Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Alamiyyah, h. 9.

³⁵ Layari: <http://www.tunisia-cafe.com/vb/showthread.php?t=9563>, 17 Januari 2011.

³⁶ <http://www.study4uae.com/vb/archive/index.php/t-64908.html>, 19 April 2011. Abū Khālid Walīd al-'Umarī, *Muqaddimah fī Āyāt al-Aḥkām*. Layari: <http://www.tafsir.net/vb/showthread.php?t=172>. 6 Februari 2011.

³⁷ Memerhati dan memikirkan pada suatu perkara dengan sengaja. Lihat Jamā'ah min Kibār al-Lughawiyīn al-'Arab (2003), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Tūnis: Muassasah Lārous al-'Alamiyyah, h. 437.

³⁸ *Jama'* kepada *al-qiṣṣah* yang bermaksud peristiwa atau perkhabaran. *Ibid.*, h. 991.

³⁹ *Jama'* kepada *mathal* (مثال). *Amthāl al-Qur'ān* merangkumi di atas penjelasan dengan berlebih kurang ganjaran, pujian dan celaan, pahala dan dosa, membesarkan sesuatu atau menghinanya dan menetapkan sesuatu atau membatalkannya. Lihat Imam al-Sayūṭī (1951), *al-Itqān*, j. 2. Kaherah: Dār al-Nadwah al-Jadīdah, h. 131.

⁴⁰ Layari <http://www.study4uae.com/vb/archive/index.php/t-64908.html>, 19 April 2011.

Sebab berlakunya khilaf tersebut merujuk kepada dua perkara:

- i. Pengertian hukum fiqah itu sendiri.

Sekiranya maksud hukum fiqah itu ialah semua perkara yang diperintah atau dilarang, maka jumlah *āyāt al-aḥkām* tidak terhitung banyaknya. Sekiranya pengertian itu disempitkan kepada hukum-hakam yang berkait dengan amalan mukalaf, maka ayat-ayat yang membincangkan secara langsung tentang hukum-hakam boleh dihitung.

- ii. Perbezaan zaman dan kecenderungan para ulama serta pendapat yang berbeza dalam melihat ilmu Fiqh, *Uṣūl al-Fiqh* dan *al-aḥkām*.

Bagi sebahagian ulama, kebanyakan ayat al-Quran yang mengandungi kisah umat-umat terdahulu tidak termasuk dalam jumlah *āyāt al-aḥkām* walaupun sebahagian ulama yang lain turut menjadikan ayat tersebut sebagai *āyāt al-aḥkām*.⁴¹

Penulis melihat kedua-dua pendapat di atas secara positif. Kedua-duanya boleh dihimpunkan bersama walaupun penulis lebih cenderung untuk *mentarjihkan* pandangan kedua. Setelah kedua-dua pendapat tersebut dihimpunkan, maka bolehlah diungkapkan bahawa semua ayat al-Quran merupakan ayat-ayat yang menjelaskan hukum-hakam Allah S.W.T. dan penjelasan kepada setiap hukum secara khusus terkandung di dalam beberapa ayat yang tertentu.

⁴¹ Dr. Maulay ‘Umar bin Ḥammād (), *al-Tafsir al-Fiqhy: al-Nast’ah wa al-Khaṣā’is*. Layari: <http://benhammad.maktoobblog.com>, 18 Januari 2011.

Walau bagaimanapun, dalam kajian ini penulis hanya akan menumpukan kepada *āyāt al-aḥkām* yang dimaksudkan oleh *al-Fuqahā'*, iaitu ayat-ayat yang menerangkan hukum-hakam bersabit dengan kelakuan mukalaf.

1.1.5 PENGGUNAAN ISTILAH *ĀYĀT AL-AḤKĀM*

Āyāt al-aḥkām merupakan istilah yang paling popular disebut-sebut sama ada pada zaman awal Islam sehinggalah zaman moden. Istilah ini membawa maksud ayat-ayat al-Quran yang secara jelas membincangkan masalah *al-aḥkām al-fiqhiyyah* dan tidak berkaitan dengan hukum-hakam yang lain seperti hukum yang berkait dengan akidah dan akhlak.

Menurut al-Ustaz Muḥammad Wā'iz Zādah⁴², istilah *āyāt al-aḥkām* dipelopori oleh ulama al-Shī'ah al-Imāmiyyah. Beliau menukulkan ibarat (عبارة)⁴³ yang digunakan oleh al-'Allāmah al-Ṭihri⁴⁴ dalam kitabnya *Mawsū'ah al-Qayyimah* di bawah tajuk *Āyāt al-Āhkām* dan menyenaraikan karya-karya ulama al-Syīah al-Imāmiyyah yang kesemuanya bertajuk *Āyāt al-Āhkām*. Beliau juga turut mendakwa bahawa ulama yang mula-mula menulis dalam *āyāt al-aḥkām* ialah Abū al-Nadr Muḥammad bin al-Sā'ib

⁴² Ustaz Muhammad Wā'iz Zādah al-Khurāsānī adalah ulama Shī'ah yang terkemuka. Lahir pada tahun 1343H dari keluarga ulama. Belajar daripada ramai ulama Shī'ah seperti Āyat Allāh al-Sayyid Abū al-Ḥasan al-Isfahānī dan Āyat Allāh al-'Uzmā al-Barujardī. Bergiat cergas dalam medan dakwah dan merupakan anggota dalam majlis pendekatan Sunni Shī'ī. Banyak menulis dan tampil di corong-corong radio dan televisyen. Layari <http://www.hadith.net/arabic/dialog/khorasani.htm>, 18 Januari 2011.

⁴³ Imam al-Jurjani mentakrifkan ibarat sebagai susunan makna perkataan yang terdapat di dalam perkataan. Dinamakan dengan ibarat kerana orang yang mendengar akan menggambarkan makna sesuatu mengikut susunan perkataan manakala orang yang bercakap akan menggambarkan makna melalui susunan perkataan. Maka ibarat berperanan sebagai perantara. Apabila ibarat itu berperanan mengikut kehendak percakapan sama ada perintah atau larangan maka ibarat dinamakan sebagai *istidlāl* dengan ibarat nas. Lihat al-Jurjānī (1987), *al-Ta'rifāt*, c. 1, Beirut: 'Ālam al-Kutub, h. 191. Ibarat mengikut Kamus Dewan edisi keempat ialah mengatakan sesuatu (selalunya yang berupa nasihat) dengan berbagai-bagai kiasan. Kamus Dewan (2010), edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 556-557.

⁴⁴ al-Allamah Āyat Allāh al-Sayyid Muḥammad al-Ḥusayn al-Ḥusaynī al-Tihri (m. 1994M). Ulama terkemuka Shī'ah dan penulis kepada karya-karya yang masyhur seperti *al-Mawsū'ah al-Qayyimah*. Layari: <http://www.alerfan.com/vb/showthread.php?p=319514> 18 Januari 2011.

bin Bashar al-Kalbī⁴⁵ (m. 146H), bukan Imam al-Shāfi‘ī sebagaimana pendapat kebanyakan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.⁴⁶

Bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa pendapat beliau tidak tepat kerana istilah *āyāt al-aḥkām* juga turut digunapakai oleh para ulama Ahl al-Sunnah dalam penulisan-penulisan mereka walaupun tidak menamakan karya-karya mereka dengan istilah tersebut. Imam Ibn al-‘Arabī (m. 543H)⁴⁷ menyebut beberapa kali istilah tersebut di dalam karyanya *Aḥkām al-Qur’ān*.

Selain menggunakan istilah *āyāt al-aḥkām*, terdapat banyak istilah lain yang diisyaratkan kepada *āyāt al-aḥkām*. Di antaranya:

i. *Aḥkām al-Qur’ān*

Tafsir *āyāt al-aḥkām* tulisan para ulama Ahl al-Sunnah bermula daripada Imam al-Syafi‘ī mengunapakai istilah *Aḥkām al-Qur’ān* sebagai tajuk kepada karya-karya mereka. Istilah tersebut merujuk kepada ayat-ayat yang boleh diistinbāḥkan hukum-hakam daripadanya walaupun ayat itu tidak menyentuh soal hukum secara langsung.

⁴⁵ Muḥammad bin al-Sā‘ib bin Bashar bin ‘Amr bin ‘Abd al-Ḥārith bin ‘Abd al-Izzī al-Kalbī Abū al-Nadr al-Kūfī (m 146H). Beliau merupakan tokoh Shī‘ah yang terkemuka. Seorang pentafsir al-Quran. Berkata Yahyā Ibn Ma‘īn: Dia tidak ada kedudukan dalam hadis. al-Dhahabī berkata: *Matrūk al-hadīth*. Berkata al-Dāraquṭnī: *Matrūk*. Terkenal dalam ilmu tafsir dan meriwayatkan hadis-hadis mungkar. Lihat al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (1995), *Mizān al-‘Itidāl fī Naqd al-Rijāl*, j. 6, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, h. 159. Lihat Aḥmad bin Muḥammad al-‘Adnadawī (1997), *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn*, c. 1. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, h. 17. Biodatanya juga disebut di dalam kitab-kitab lain seperti *Ṭabaqāt Ibn Sa‘d*, *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, *Tahzīb al-Tahzīb* dan *Ṭabaqāt al-Dawūdī*. Layari: <http://www.quranalrabita.com>, 18. Januari 2011. Layari: <http://www.almanhaj.com/vb/showthread.php?t=10554>, 18 Januari 2011.

⁴⁶ Ustaz Muḥammad Wā‘iẓ Zādah al-Khurāsānī, *Jawlah fī Āyāt al-Aḥkām*. Layari: <http://www.iranarab.com/Default.asp?Page=ViewArticle&ArticleID=483>

⁴⁷ Imam Ibn al-‘Arabī (m 543H) menyebut perkataan *āyāt al-aḥkām* di dalam karyanya *Aḥkām al-Qur’ān* sebayak dua kali. Lihat Imam Ibn al-‘Arabī (T.T), *Aḥkām al-Qur’ān*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, j. 1, h. 39 dan j. 3, h. 123.

Sebagai contoh, lafaz al-Basmalah (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) yang secara zahirnya bukan ayat hukum, akan tetapi semua hukum-hakam yang berkaitan dengan lafaz tersebut diulas oleh para ulama. Persoalan-persoalan seperti apakah al-Basmalah adalah ayat pertama bagi setiap surah dalam al-Quran kecuali surah al-Tawbah, apakah ia satu ayat dari surah al-Fātihah, apakah ia dinyaringkan bacaannya ketika solat nyaring atau tidak dinyaringkan dan persoalan-persoalan yang lain seumpamanya diulas oleh para ulama.

ii. *Fiqh al-Qur'ān*

Istilah ini adalah nama yang masyhur dalam kalangan penulis-penulis *al-Syī'ah* seperti Abū al-Ḥasan al-Rawandī (m. 673H)⁴⁸ dengan karyanya yang popular *Kanzu al-'Irfan fī Fiqh al-Qur'ān* yang mentafsirkan *āyāt al-aḥkām* di atas mazhab Syiah.⁴⁹

iii. *Fiqh al-Kitāb*

Suatu istilah yang mampu difahami dengan mudah apabila disebut. Walau bagaimanapun, *Fiqh al-Kitāb* jarang digunakan di dalam penulisan. Antara penulis yang menggunakan istilah ini ialah Sa'īd bin 'Alī bin Wahaf al-Qaḥṭānī.⁵⁰ Demikian juga dengan Doktor Maulay 'Umar bin Ḥammād yang turut menggunakan istilah ini dalam

⁴⁸ Abū al-Ḥasan Sa'īd bin Hibah Allāh bin al-Ḥasan al-Rawandī al-Shī'ī (m. 673H)

⁴⁹ Muṣṭafā bin 'Abd Allāh, Ḥājī Khalīfah (1941), *Kashf al-Zunūn 'An 'Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*, j. 2, Beirut: Dār 'Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 1517-1518.

⁵⁰ Sa'īd bin 'Alī bin Wahaf al-Qaḥṭānī (1425H), *al-Hikmah fī al-Da'wah 'ilā Allāh Ta'ālā*, c. 4, Riyad: Maktabah al-M'Alīk Fahd al-Waṭaniyyah, h.

karyanya.⁵¹ Begitu juga dengan Ḥusain bin ‘Awdah al-Ghawashah yang turut menggunakan istilah tersebut dalam penulisan beliau.⁵²

iv. *Aḥkām al-Kitāb al-‘Azīz*

Istilah ini digunapakai oleh beberapa penulis seperti al-Halabī Aḥmad bin Yūsuf al-Shāfi‘ī (m. 756H).⁵³

v. *al-Tafsīr al-Fiqhī*

Istilah ini banyak digunapakai oleh ulama kontemporeri. Maksudnya adalah sama dengan istilah *āyāt al-aḥkām* iaitu pentafsiran ayat-ayat yang membincangkan hukum *furū‘iyyah fiqhiyyah* secara langsung. Antara penulis yang menggunakan istilah tersebut ialah Doktor Maulay ‘Umar bin Ḥammād di dalam karyanya *al-Tafsīr al-Fiqhī: al-Nash’ah wa al-Khaṣā’iṣ*.⁵⁴

vi. *al-Āyāt al-Qānūniyyah*

Sorotan mendapati hanya seorang sahaja yang menggunakan istilah ini iaitu Aḥmad Amīn al-Miṣrī⁵⁵ dalam majalah *Fajr al-Islām* keluaran 1955M cetakan yang

⁵¹ Layari: <http://benhammad.maktoobblog.com>, 18 Januari 2011.

⁵² Karya Ḥusayn bin ‘Awdah al-Ghawashah bertajuk *al-Mausu‘ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarah fī Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah al-Muṭahharah* (2002).

⁵³ Aḥmad bin Yūsuf bin Muḥammad Shihāb al-Dīn Abū al-‘Abbās al-Ḥalabī kemudian al-Miṣrī terkenal dengan Ibn al-Samīn al-Syāfi‘ī (m 756H). ‘Alīm dalam ilmu *naḥw*, tafsir dan fiqah dan banyak menulis antaranya *al-Qaul al-Wajīz fī ‘Aḥkām al-Kitāb al-‘Azīz, I‘rāb al-Qur‘ān* dan lain-lain. Lihat Muṣṭafā bin ‘Abd Allāh, Ḥājī Khalīfah (1941), *Kashf al-Zunūn ‘An Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*, j. 2, Beirut: Dār ‘Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 1366.

⁵⁴ Di antara tokoh ulama kontemporeri yang menggunakan istilah ini ialah Mawlay ‘Umar bin Ḥammad al-Maghribī, *al-Tafsīr al-Fiqhī: al-Nash’ah wa al-Khaṣā’iṣ*. Layari: <http://benhammad.maktoobblog.com>, 18 Januari 2011.

⁵⁵ Aḥmad ‘Amīn al-Miṣrī (m. 1373H/1954H) adalah seorang sasterawan, pemikir, sejarawan dan penulis yang aktif dan banyak menulis. Lahir pada tahun 1878M. *Fajr al-Islām* adalah makalah kelolaannya yang terkenal. Mengajar di sekolah undang-undang sebelum dilantik menjadi hakim di mahkamah.

ketujuh yang dikelolai oleh beliau sendiri. Walaupun beliau bukan daripada senarai ulama, akan tetapi keprihatinan dan kepeduliannya amat tinggi terhadap agama dan masalah umat Islam. Penerbitan majalah *Fajr al-Islām* yang memaparkan isu-isu agama dan masalah umat Islam semasa membuktikan keprihatinan tersebut.

vii. *al-Āyāt al-Tashrī'iyah*

Istilah ini biasa digunakan oleh penulis-penulis untuk menggambarkan hukum-hakam yang diambil terus daripada sumber asalnya, iaitu al-Quran. Antara mereka ialah Faḍīlah al-Ustāz Muḥammad Rātīb al-Nablusī⁵⁶ yang banyak menulis dan menyampaikan kelas-kelas pengajian melalui laman sesawang⁵⁷. Demikian juga Doktor Mawlay 'Umar bin Ḥammād yang juga menggunakan istilah ini dalam penulisannya.⁵⁸

Penulis yakin terdapat istilah-istilah lain yang digunakan oleh para ilmuan Islam dalam mengibaratkan *āyāt al-aḥkām* dengan pendekatan *'ibārah* dan *uslūb* masing-masing. Walau bagaimanapun, ia berlegar di dalam paksi yang sama, iaitu sekelompok ayat yang membincangkan permasalahan hukum-hakam sama ada secara langsung atau ayat yang boleh di*istinbāḥ*kan hukum-hakam daripadanya.

Kemudian dilantik menjadi pensyarah dan dekan kuliah walaupun tidak memiliki PhD. Kemudian menumpukan perhatian menulis dan menjadi panel dalam banyak majalah. Layari: http://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%A3%D8%AD%D9%85%D8%AF_%D8%A3%D9%85%D9%8A%D9%86, 18 Januari 2011.

⁵⁶ Lahir di Damshiq daripada keluarga ulama. Datuknya ialah al-Sheikh 'Abd al-Ghani al-Nabulsi. Mendapat PhD dalam bidang tarbiah di Universiti Dublin tahun 1999M. Bergiat cergas dalam medan dakwah. Pensyarah di Universiti Damshiq. Banyak menyertai seminar dan perhimpunan di peringkat antarabangsa. Banyak menulis buku dan makalah. Layari: <http://www.nabulsi.com/blue/ar/art.php?art=6733&id=1249&sid=1258&ssid=1359&ssid=1361>, 18 Januari 2011.

⁵⁷ Fadhilat al-Ustaz Muhammad Ratib al-Nabulsi, *al-Dars*, kelas keempat daripada enam kelas tarikh 3/1/1996 tafsir Surah al-Ṭalāq ayat 4-5. Layari: <http://www.nabulsi.com/text/03quran/1friday/065talak/talak-4.php>, 18 Januari 2011.

⁵⁸ Doktor Maulay 'Umar bin Ḥammād, *al-Tafsir al-Fiqhi: al-Nast'ah wa al-Khaṣā'ish*. Layari: <http://benhammad.maktoobblog.com>, 18 Januari 2011.

1.1.6 USLŪB ĀYĀT AL-AḤKĀM

Al-Quran al-Karim menyampaikan mesej hukum dengan pelbagai gaya bahasa dan *uslūb*. Perkara tersebut tidak menghairankan kerana al-Quran adalah mukzijat yang mampu melemahkan selain daripada al-Quran sebagai kitab yang membawa hidayah dan petunjuk kepada sekalian alam. Menurut ‘Abd al-Karīm Zaydān, Al-Quran membentangkan *al-aḥkām* dengan bentuk yang membawa kepada kepatuhan dan menjauhi daripada keingkaran.⁵⁹ *Uslūb* yang digunakan bagi menggambarkan perintah Allah S.W.T. boleh disimpulkan seperti berikut:

1. *Ṣighah al-amr* (gaya bahasa perintah).
2. Menyebut balasan yang baik dan pahala bagi si pelakunya.
3. Menyebut suka dan kasih kepada pelakunya dan memuji kelakuannya.

Adapun *uslūb* yang digunakan untuk menggambarkan larangan Allah S.W.T. adalah seperti berikut:

1. *Ṣighah al-nahy*.
2. Mengeji sesuatu perbuatan dan pelakunya.
3. Menjelaskan bahawa perbuatan itu menjadi sebab kepada azab.
4. Menjelaskan bahawa perbuatan itu menjadi sebab kepada kemurkaan Allah S.W.T.
5. Menjelaskan bahawa perbuatan itu menjadi sebab pelakunya dimasukkan ke dalam neraka.
6. Menjelaskan bahawa perbuatan itu menjadi sebab kepada laknat-Nya.

⁵⁹ Dr. ‘Abd al-Karīm Zaydān (1998), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, c. 15, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 159.

7. Menyifatkan sesuatu perbuatan dengan najis, fasik dan sebagainya.

Al-Quran datang dengan *manhajnya* yang tersendiri. Kadang-kadang al-Quran menyebut tentang sesuatu hukum pada satu tempat yang tertentu. Dalam kebanyakan keadaan, al-Quran menyebut tentang sesuatu hukum pada tempat yang berbeza-beza. Tujuannya adalah untuk memperingati hukum tersebut dan menguatkannya. Keadaan ini membawa kepada taburan *āyāt al-ahkām* sepanjang al-Quran dan tidak pada suatu tempat yang khusus sahaja.

Al-Quran bukanlah buku undang-undang yang disusun mengikut susunan tertentu sebagaimana buku undang-undang yang termaklum di sisi manusia. Al-Quran adalah kitab hidayah, petunjuk, akhlak, ibadah dan perundangan. Hukum-hakamnya saling berkaitan antara satu sama lain. Perihal akhlak adalah bertautan dengan hukum-hakam muamalah dengan makna yang luas. Tidak menjadi apa-apa masalah apabila hukum-hakam al-Quran tidak disenaraikan pada suatu tempat berikutan perkaitan dan pertautan sebagaimana dinyatakan, bahkan kedudukannya yang bertaburan lebih memudahkan untuk difahami dan mengerti perkaitannya. Pembaca al-Quran juga tidak akan jemu apabila sentiasa menemui perkaitan-perkaitannya antara ayat sebelum dan selepas.⁶⁰

1.2 KARYA-KARYA TAFSIR *ĀYĀT AL-AHKĀM*

Ibn al-Nadīm⁶¹ ada menyebut bahawa al-Kalbī adalah tokoh yang didapati mula-mula menghasilkan *Ahkām al-Qur'ān*.⁶² Beliau menamakan karyanya dengan *āyāt al-*

⁶⁰ *Ibid.*, h. 159.

⁶¹ Ibn al-Nadīm, Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm al-Akhbarī al-Baghdādī yang terkenal juga dengan gelaran Abū al-Farj (m. 380H). Karya beliau yang paling masyhur ialah *al-Fahrasāt*.

aḥkām. Beliau dikatakan meriwayatkan pentafsiran *āyāt al-aḥkām* daripada Ibn ‘Abbās R.A. Walaupun al-Kalbī adalah seorang periwayat yang *ḍa‘īf*, catatan Ibn Nadīm menunjukkan pentafsiran *āyāt al-aḥkām* mula diambil peduli dan mendapat perhatian secara khusus oleh para ulama semenjak pertengahan kurun kedua. Selepas itu, kepedulian para ulama berterusan dengan dakwaan bahawa Imam Mālik bin ‘Anas, Imām Dār al-Hijrah (m. 179H) memiliki karya tafsir kepada *āyāt al-aḥkām*. Pentafsirannya dihimpun oleh al-‘Allāmah Makkī bin Abū Ṭālib di dalam karyanya *al-Ma‘thūr ‘an Mālik fī Aḥkām al-Qur’ān wa Tafṣīruhu*.⁶³

Kemudian, datang al-Ḥāfiẓ al-Muqrī Yaḥyā bin Adam bin Sulayman al-Qurashī dengan karyanya *Mujarrad Aḥkām al-Qur’ān*. Walaupun fakta ini tidak dapat dipastikan kesahihannya, akan tetapi ia menunjukkan keprihatinan dan kepedulian pengarang dalam menghimpun dan mentafsirkan *āyāt al-aḥkām*.

Berikutnya ialah kedatangan Imam al-Shāfi‘ī dengan karyanya yang hilang iaitu, *Aḥkām al-Qur’ān*. Imam al-Zarkashī menyebut bahawa Imam al-Shāfi‘ī adalah ulama yang mula-mula mengasingkan pentafsiran *āyāt al-aḥkām*. Pendapat ini disokong oleh Imam al-Sayuṭī, al-Dawūdī dan Hajī Khalifah. Ada pula yang berpendapat bahawa Imam al-Shāfi‘ī R.A. adalah tokoh paling awal menghasilkan tafsir *āyāt al-aḥkām* dengan nama *Aḥkām al-Qur’ān*, akan tetapi karyanya hilang dan tidak dapat ditemui.⁶⁴

⁶² Muḥammad bin Ishāq al-Nadīm, *al-Fahrasat*, h. 98. Layari: <http://www.al-mostafa.com>, 19 Januari 2011.

⁶³ Lihat Muḥibb al-Dīn ‘Abd al-Sabḥān (1407H), *Manhaj al-Imām al-Shāfi‘ī fī Tafṣīr Āyāt al-Aḥkām*, (T.T.P.), h. 44.

⁶⁴ Lihat Prof. Dr. ‘Abd al-Ghafūr Maḥmūd Muṣṭafā Ja‘far (2007), *al-Tafṣīr wa al-Mufassirūn fī Thawbihī al-Jadīd*, c.1. Kaherah: Dār al-Salām, h. 525.

Generasi seterusnya datang dengan pendekatan taklid (تقليد)⁶⁵ kepada imam-imam mazhab secara taksub (تعصّب)⁶⁶. Ada yang melihat perkataan-perkataan imam sama seperti melihat nas-nas syarak. Mereka sanggup menghabiskan masa dan usaha untuk menyokong dan menyebarkan pendapat-pendapat imam mereka dan dalam masa yang sama cuba menolak pendapat-pendapat lain yang bertentangan.

Kesan daripada pendekatan taqlid secara taksub ini membawa kepada pentafsiran dan pentakwilan *āyāt al-aḥkām* mengikut pendapat imam masing-masing. Sebagai contohnya, ‘Abd Allāh al-Karkhī (m. 340H) pengikut yang taksub kepada mazhab al-Ḥanafi ada menegaskan: “Semua ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi yang menyalahi pandangan imam-imam kami adalah ditakwilkan atau pun telah dimansuhkan”.⁶⁷

Walau bagaimanapun, masih ada golongan ulama yang bertaklid secara adil. Mereka melihat perkataan imam-imam sebagai suatu pendapat yang bebas berasaskan dalil. Matlamat mereka adalah mencari kebenaran bukan menyokong pandangan imam secara melulu.⁶⁸

⁶⁵ *Masdar* daripada perkataan قلّد yang membawa maksud *‘ibārah* daripada mengikutnya seorang manusia akan orang lain pada apa yang dikatakan atau dilakukan olehnya dengan berpegang dengan benar dia tanpa penelitian dan pemerhatian terhadap d’Alīl seolah-olah orang yang mengikut menjadikan perkataan orang yang diikuti atau perbuatannya sebagai rantai yang diletakkan di lehernya. Ia juga adalah ibarat daripada menerima perkataan orang lain tanpa hujjah dan d’Alīl. Lihat al-Jurjānī (1987), *al-Ta’rīfāt*, c. 1, Beirut: ‘Ālam al-Kutub, h. 93.

⁶⁶ Lihat al-Dhahabī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, j. 2, c. 8. Kaherah: Maktabah Wabbah, h. 321-323.

⁶⁷ *Ibid.*, j. 2, h. 320-321.

⁶⁸ *Ibid.*, j. 2, h. 321.

Menyoroti karya-karya *al-tarājum*, *al-rijāl* dan *al-ṭabaqāt*, didapati banyak ulama yang mentafsirkan *āyāt al-aḥkām* secara khusus mengikut aliran mazhab masing-masing. Mereka adalah:

1. Ibrāhīm bin Khālīd bin Abū al-Yaman al-Kalbī al-Baghdādī (m. 240H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*. Beliau merupakan anak murid kepada Imam al-Shāfi'ī dan terkenal dengan panggilan Abū Thūr.⁶⁹
2. Aḥmad bin al-Ma'zal bin Ghilān bin al-Ḥakm al-'Abdī (m. 240H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān* dan merupakan ulama dalam mazhab al-Mālikī.⁷⁰
3. al-Qāḍī Yaḥyā bin Aktham bin Muḥammad bin Qaṭn al-Tamīmī al-Maruzī (m. 242H atau 243H) yang menghasilkan *Ījāb al-Tamassuk bi Aḥkām al-Qur'ān*.⁷¹
4. al-Ḥāfiẓ al-Kabīr Abū al-Ḥasan al-Sa'dī al-Maruzī 'Alī Ibn Ḥajar bin 'Iyās (m. 244H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷²
5. Ḥafṣ bin 'Umar bin 'Abd al-'Azīz bin Saḥbān bin 'Adī bin Saḥbān (m. 246H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷³
6. al-Ḥāfiẓ Muḥammad bin 'Abd Allāh bin 'Abd al-Ḥakm Abū 'Abd Allāh al-Miṣrī (m. 268H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷⁴
7. Imam al-Ḥāfiẓ al-Mujtahid Dawūd bin 'Alī bin Dawūd bin Khalaf al-'Asbahānī al-Baghdādī (m. 270H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷⁵

⁶⁹ Lihat al-Imām al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (1995), *Mizān al-I'tidāl*, j. 1, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ālamiyyah, h. 148-149. Lihat al-Ḥāfiẓ al-Mutqin Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf al-Mizī (1982), *Tahzīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, j. 2, c. 1. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 80-83.

⁷⁰ Lihat al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin 'Alī bin Aḥmad al-Dāwūdī (1983), *Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*, j. 1, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ālamiyyah, h. 91-93. Lihat al-Imām Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (1985), *Siyar 'A'lām al-Nubalā'*, c. 3, j. 11. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 519-520.

⁷¹ Lihat al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī (1413H), *Taqrīb al-Tahzīb*. Riyad: Dār al-'Āshimah, h. 1049. Lihat al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin 'Alī bin Aḥmad al-Dāwūdī (1983), *Ṭabaqāt al-Mufasssīrīn*, j. 2, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ālamiyyah, h. 363.

⁷² *Ibid.*, h. 401-402. Lihat al-Imām Abū 'Abd Allāh Shams al-Dīn Muḥammad al-Dhahabī (1374H), *Kitāb Tazkirah al-Huffāz*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ālamiyyah, h. 450.

⁷³ al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin 'Alī bin Aḥmad al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*, h. 165-166.

⁷⁴ *Ibid.*, h. 178-179.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 171-174.

8. al-Qāḍi Abū 'Ishāq Ismā'īl bin 'Ishāq bin Ismā'īl bin Ḥammad bin Zayd al-'Azdī (m. 282H) yang merupakan ulama mazhab al-Mālikī dan mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷⁶
9. Imam al-'Allāmah al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin Muḥammad bin Salāmah bin Salāmah al-Azdī al-Miṣrī al-Ṭahāwī al-Ḥanafī (m. 321H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷⁷
10. 'Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin al-Mughallis (m. 324H) yang merupakan seorang tokoh mazhab al-Zāhirī dan mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷⁸
11. al-Ḥāfiẓ Qāsim bin Asbugh bin Muḥammad bin Yūsuf al-Qurṭubī (m. 340) yang merupakan tokoh hadis dari Andalus dan mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁷⁹
12. Bakr bin Muḥammad bin al-'Alā' bin Zitād bin al-Walīd (m. 344H) yang merupakan tokoh mazhab al-Mālikī dan mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁸⁰
13. 'Alī bin Mūsā Yazdād al-Qūmī (m. 350H) yang merupakan tokoh dalam mazhab al-Ḥanafī dan mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁸¹
14. al-'Allāmah Muḥammad bin al-Qasim bin Syaban bin Muḥammad bin Rabī'ah al-Mālikī (m. 355H).⁸²
15. al-'Allāmah al-Ḥanafī Abū Bakr Aḥmad bin 'Alī al-Rāzī yang terkenal dengan al-Jaṣṣāṣ (m. 370H) dan mengarang karya yang masyhur iaitu *Aḥkām al-Qur'ān*.⁸³
16. al-Ḥāfiẓ Imam Abū 'Abd Allāh al-Ḥusayn bin Aḥmad bin 'Abd Allāh bin Bakir al-Baghdādī al-Ṣayyarfī (m. 388H) yang mengarang *Aḥkām al-Qur'ān*.⁸⁴

⁷⁶ *Ibid.*, h. 106-108.

⁷⁷ *Ibid.*, h. 73-75.

⁷⁸ *Ibid.*, h. 228.

⁷⁹ *Ibid.*, h. 35-36.

⁸⁰ *Ibid.*, h. 120-121.

⁸¹ *Ibid.*, h. 439-440. Lihat al-Imam al-Ḥāfiẓ al-Sheikh Jalal al-Dīn 'Abd al-Rahman bin Abū Bakr al-Suyuti (1983), *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn*, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ālamīyah, h. 74.

⁸² al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin 'Alī bin Aḥmad al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*, h. 226-227

⁸³ *Ibid.*, h. 55.

17. Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd Allāh Abū Bakr bin Khuwa‘iz Mindād (m. 390H lebih kurang) yang mengarang *Aḥkām al-Qur’ān*.⁸⁵
18. al-Muqri’ Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Alī bin Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Rabā‘ī al-Baghanī (m. 401H) yang merupakan tokoh mazhab al-Malikī dan mengarang *Aḥkām al-Qur’ān*.⁸⁶
19. al-Muqri’ Makkī bin Abū Ṭalib Hamushār bin Muḥammad bin Mukhtār al-Imām al-Qaysī al-Maghribī al-Qiruwani kemudian al-’Andalisī al-Qurtūbī (m. 437H) yang menghimpunkan pentafsiran Imam Malik terhadap *āyāt al-aḥkām* di dalam karyanya *al-Ma’tḥūr ‘An Mālik fī Aḥkām al-Qur’ān wa Tafsīruhu*. Sebuah lagi karya yang dinisbahkan kepada beliau iaitu *Ikhtisār Aḥkām al-Qur’ān*.⁸⁷
20. Muḥammad bin al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Khalaf bin Aḥmad Abū Ya’lā yang terkenal dengan gelaran Ibn al-Farā’ (m. 458H) yang merupakan tokoh mazhab al-Ḥanābilah dan mengarang *Aḥkām al-Qur’ān*.⁸⁸
21. Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad yang terkenal dengan al-Kiyā al-Hirāsī al-Baghdādī (m. 504H) yang bermazhab al-Shāfi‘ī dan mengarang *Aḥkām al-Qur’ān*.⁸⁹
22. Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh yang terkenal dengan Ibn al-‘Arabī (m. 543H) dan merupakan tokoh mazhab al-Mālikī dan mengarang *Aḥkām al-Qur’ān*.⁹⁰

⁸⁴ Lihat al-Imam Abū ‘Abd Allāh Shams al-Dīn Muhammad al-Dhahabī (1374H), *Kitāb Tazkirah al-Huffāz*, j. 2, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ālamiyyah, h. 1017-1018.

⁸⁵ al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī bin Aḥmad al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*, h. 72.

⁸⁶ *Ibid.*, h. 53.

⁸⁷ *Ibid.*, h. 337.

⁸⁸ Lihat al-Imam Abū ‘Abd Allāh Shams al-Dīn Muhammad al-Dhahabī (1374H), *Kitāb Tazkirah al-Huffāz*, j. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ālamiyyah, h. 1135.

⁸⁹ Lihat Abū al-‘Abbās Shams al-Dīn Aḥmad bin Muḥammad bin Abū Bakr bin Khalkān (1970), *Wafayāt al-A’yān wa Abna’ abna’ al-Zamān*, j. 3, Beirut: Dār Ṣādir, h. 286-290.

⁹⁰ Lihat al-Ḥāfiẓ Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī bin Aḥmad al-Dāwūdī (1983), *Ṭabaqāt al-Mufasssirīn*, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ālamiyyah, h. 167-170.

23. al-‘Allāmah ‘Abd al-Mun‘im bin Muḥammad bin ‘Abd al-Rahīm al-‘Anṣārī al-Khazrajī yang terkenal dengan panggilan Ibn al-Fars (m. 599H) dan beliau didapati mengarang *Aḥkām al-Qur‘ān*.⁹¹
24. Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Anṣārī al-Khazrajī al-Mālikī al-Qurṭubī (m. 671H) yang merupakan pengarang kepada *Jāmi‘ Aḥkām al-Qur‘ān*.⁹²

Sebahagian besar daripada karya-karya yang disebutkan di atas tidak sampai kepada generasi hari ini dan sebahagiannya tidak dapat dikesan. Sebahagiannya pula kekal sebagai manuskrip di mana-mana perpustakaan dan muzium di dunia. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian kecil sahaja karya pentafsiran *āyāt al-aḥkām* yang didapati berlegar dalam dunia ilmu Islam. Kebanyakannya ditulis oleh ulama mazhab yang tertentu dan karya mereka lebih cenderung kepada keputusan hukum dalam mazhab masing-masing.

Contoh karya-karya tersebut adalah seperti berikut:⁹³

1. Mazhab al-Ḥanafī

- a. *Aḥkām al-Qur‘ān fī Alf Waraqah* karya Ja‘far Aḥmad bin Muḥammad bin Salāmah al-Azdī al-Ṭahawī al-Ḥanafī (m. 321H).
- b. *Aḥkām al-Qur‘ān* tulisan Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Mūsā bin Yazdād al-Qūmī al-Ḥanafī (m. 350H).
- c. *Aḥkām al-Qur‘ān* tulisan Abū Bakr al-Rāzi terkenal dengan al-Jaṣṣaṣ (m. 370H) dicetak dalam 3 jilid dan terkenal di kalangan ahli ilmu Islam.

⁹¹ *Ibid.*, h. 362-364.

⁹² *Ibid.*, h. 69-70.

⁹³ Lihat al-Dhahabī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufasssirūn*, j. 2, c. 8. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 321-323. Layari: <http://ar.wikipedia.org/wiki>, 22 April 2010.

- d. *Talkhīṣ Aḥkām al-Qur'ān, Tahzīb Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Jamāl al-Dīn Maḥmūd bin Mas'ūd yang terkenal dengan nama Ibn Sirāj al-Qūnūwī al-Ḥanafī (m. 770H).
- e. *al-Tafsīrāt al-Aḥmadiyyah fī Bayān al-Āyāt al-Shar'īyyah* tulisan Aḥmad bin Abī Sa'īd bin 'Ubayd Allah al-Ḥanafī al-Mihuwī (m. 1130H) yang digelar dengan Malājjīyūn, ulama kurun ke-11H.

2. Mazhab al-Mālikī

- a. *Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Saḥnūn al-Qīruwanī (m. 255H).
- b. *Aḥkām al-Qur'ān* al-Qadī Abū Ishāq Ismā'īl bin Ishāq bin Ismā'īl al-Mālikī (m. 282H).
- c. *Aḥkām al-Qur'ān* tulisan al-Qadī Abū Bakr bin Muḥammad bin Bakīr al-Baghdādī al-Mālikī (m. 305H)
- d. *Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Abū al-Ḥakam Munzir bin Sa'īd bin 'Abd Allāh bin Najīḥ al-Qadī al-Baluṭī al-Mālikī (m. 355H).
- e. *Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Abū Bakr Muḥammad bin 'Abd Allāh terkenal dengan Ibn al-'Arabī (m. 543H) dicetak dalam 2 jilid dan terkenal di kalangan ahli ilmu.
- f. *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣarī al-Qurṭūbī (m. 671H).

3. Mazhab al-Shāfi'ī

- a. *Aḥkām al-Qur'ān* Muḥammad bin Idris al-Shāfi'ī (m. 204H).
- b. *Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Abū Thūr Ibrāhīm bin Khālīd al-Kalbī al-Baghdādī al-Shāfi'ī (m. 240H).

- c. *Aḥkām al-Qur'ān li al-Imām al-Shāfi'i* tulisan al-Imām Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥasan al-Bayhaqī al-Naysābūrī (m. 458H) terkenal di kalangan ahli ilmu Islam.
- d. *Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad al-Ṭabarī terkenal dengan 'Alkiyā al-Hirāsī al-Shāfi'ī (m. 504H) juga terkenal di kalangan ahli ilmu Islam.
- e. *al-Qawl al-Wajīz fī Aḥkām al-Kitāb al-'Azīz* tulisan Shihāb al-Dīn Abū al-'Abbās Aḥmad bin Yūsuf bin Muḥammad al-Halabī (m. 756H).
- f. *Aḥkām al-Kitāb al-Mubīn* tulisan 'Alī bin 'Abd Allāh Maḥmūd al-Shanfakī al-Shāfi'ī (m. 890M), ulama kurun ke-9H.
- g. *al-Iklīl fī Istinbāt al-Tanzīl* tulisan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī al-Shāfi'ī (m. 911H) terkenal di kalangan ahli ilmu Islam.
- h. *Hidāyah al-Hayrān fī Ba'd Aḥkām Tata'allaq bi al-Qur'ān* tulisan 'Abd Allāh bin Muḥammad al-Maghribī al-Qāhirī al-Shāfi'ī yang terkenal dengan gelaran al-Ṭablāwī (m. 1027H).

4. **Mazhab al-Ḥanbalī**

- a. *Aḥkām al-Qur'ān* tulisan Abū Ya'lā Muḥammad bin al-Ḥusayn bin Muḥammad bin Khalaf bin al-Farra' al-Ḥanbalī (m. 458H).
- b. *Aḥkām al-Ra'y fī Aḥkām al-'Āy* tulisan Shams al-Dīn Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān bin al-Ṣā'igh al-Ḥanbalī yang terkenal dengan gelaran Ibn Abī al-Fars (m. 776h).
- c. *'Azhār al-Falāḥ fī 'Āyah Qaṣr al-Ṣalāḥ* tulisan Mara' bin Yūsuf bin Abū Bakr al-Karamī al-Maqdisī al-Ḥanbalī (m. 1033h).

5. **Mazhab Shī‘ah al-Zaydiyyah**

- a. *Sharḥ al-Khamsimi‘ah Āyah* tulisan Ḥusain bin Aḥmad al-Najrī, ulama kurun ke-8H.
- b. *al-Thamarāt al-Yāni‘ah wa al-Aḥkām al-Waḍihah al-Qāṭi‘ah* tulisan Shams al-Dīn bin Yūsuf bin Aḥmad ulama kurun ke-9H.
- c. *Muntaha al-Marām Sharḥ Āyāt al-Aḥkām* tulisan Muḥammad bin al-Ḥusayn bin al-Qāsim ulama kurun ke-11H.

6. **Mazhab Shī‘ah al-Imāmiyyah**

- a. *Kanz al-Furqān fī Fiqh al-Qur‘ān* tulisan Miqdād bin ‘Abd Allāh al-Siyūrī (m. 826H) ulama kurun ke-9H.

Ulama terus berusaha untuk mempersembahkan khidmat bakti mereka yang terbaik terhadap kitab Allah sesuai dengan perkembangan masa dan *thaqāfah* manusia pada setiap zaman. Beberapa karya tafsir *āyāt al-aḥkām* telah berjaya diterbitkan pada zaman moden ini. Antaranya:

1. *Rawāi‘ al-Bayān fī Aḥkām al-Qur‘ān* tulisan al-Syīkh Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī.
2. *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* tulisan Dr. Muḥammad ‘Alī al-Sāyis yang merupakan mantan dekan Kuliah al-Shariah al-Islamiyyah di Universiti al-Azhar dan anggota Majma‘ al-Buḥūth al-Islāmiyyah sebelum ini.
3. *Nayl al-Marām fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* tulisan Abū al-Ṭayyib Ṣiddīq bin ‘Alī al-Ḥusaynī al-Qanūjī al-Bukhārī.
4. *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* tulisan al-Syīkh Manna‘ Qaṭṭān.
5. *Aḥkām al-Qur‘ān al-Karīm* tulisan al-Syīkh Muḥammad al-‘Uthaymīn.

6. *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* tulisan al-Syīkh al-Lāḥim.
7. *al-Ilmām bi Sharḥ Āyāt al-Aḥkām* tulisan al-Syīkh Muḥammad al-‘Uthaymīn.
8. *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* tulisan al-Syīkh Aḥmad al-Ḥuṣārī.
9. *al-Muṣṭafā min Āyāt al-Aḥkām* tulisan Dr. Farīd Muṣṭafā.
10. *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām* tulisan Muḥammad ‘Alī Quṭub.

Karya-karya yang disebutkan di atas dihasilkan dengan teliti dan menggunakan metode-metode yang tersendiri. Berikut dinyatakan beberapa contoh metode kepada beberapa karya *āyāt al-aḥkām* yang terkenal dalam dunia ilmiah Islam dahulu dan moden:

No.	Karya	Metode
1.	<i>Aḥkām al-Qur’ān</i> tulisan Abū Bakr al-Rāzī terkenal dengan gelaran al-Jaṣṣās (m. 370H)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyentuh banyak persoalan fiqah dan khilaf dalam kalangan imam-imam mazhab lengkap dengan dalil masing-masing. • Sangat fanatik kepada mazhab al-Ḥanafī sehingga bertindak mentakwilkan secara keras sesetengah <i>āyāt al-aḥkām</i> untuk memihak kepada mazhab tersebut dan menjadikan ayat tersebut tidak boleh dijadikan hujah bagi pihak yang menentangnya. • Mempertahankan pendapat-pendapat mazhab al-Ḥanafī sama ada masalah dasar mazhab atau masalah <i>furū’iyyah</i> yang kecil. • Membentangkan semua surah al-Quran tetapi hanya memfokuskan pentafsiran <i>āyāt al-aḥkām</i> sahaja mengikut bab fiqah. • Mentarjihkan pendapat mazhab al-Ḥanafī.⁹⁴
2.	<i>Aḥkām al-Qur’ān</i> tulisan Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad al-Ṭabarī terkenal dengan Alkiyā al-Hirāsī al-Shāfi‘ī (m. 504H)	<ul style="list-style-type: none"> • Bermazhab al-Syāfi‘ī dan cukup fanatik dengan dasar-dasar mazhab tersebut sehingga mentafsirkan <i>āyāt al-aḥkām</i> mengikut kaedah-kaedah mazhab al-Syāfi‘ī sehingga menjadikan ayat-ayat tersebut tidak boleh digunakan sebagai hujah kepada pihak lain yang bertentangan.

⁹⁴ Lihat al-Dhahabī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, c. 4, j. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 323-327.

		<ul style="list-style-type: none"> • Menolak dengan keras pandangan mazhab-mazhab lain khususnya pendapat Imam al-Jaṣṣās (m. 370H). • Membentangkan semua surah dalam al-Quran tetapi hanya mentafsirkan <i>āyāt al-aḥkām</i> sahaja.⁹⁵
3.	<i>Aḥkām al-Qur’ān</i> tulisan Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh terkenal dengan Ibn al-‘Arabī (m. 543H)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyenaikan semua ayat al-Quran akan tetapi hanya mentafsirkan <i>āyāt al-aḥkām</i> sahaja. • Menyatakan bilangan <i>āyāt al-aḥkām</i> secara tepat mengikut surah al-Quran dan mentafsirkannya dalam bentuk permasalahan. • Mentafsirkan <i>āyāt al-aḥkām</i> mengikut mazhab al-Mālikī dengan adil dan tidak menunjukkan secara jelas ketaksuban terhadapnya. • Sesetengah keadaan, beliau mentafsirkan <i>āyāt al-aḥkām</i> dengan merujuk terus kepada pendapat mazhab tersebut dan menolak pandangan-pandangan yang menyalahi. • Banyak mengistinbātkan makna-makna <i>āyāt al-aḥkām</i> melalui perbincangan <i>lughah al-‘Arabiyyah</i>. • Tegak tidak merujuk kepada riwayat-riwayat <i>al-isrāīliyyāt</i> dan tidak memasukkan hadis-hadis <i>da‘īf</i>⁹⁶ dalam karyanya.⁹⁷
4.	<i>al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān</i> tulisan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣarī al-Qurṭūbī (m. 671H)	<ul style="list-style-type: none"> • Memfokuskan perbincangan <i>āyāt al-aḥkām</i> dan hukum-hukum yang diistinbātkan daripadanya. • Tidak mentafsirkan ayat-ayat berkaitan sirah, tarikh dan cerita-cerita umat terdahulu kecuali dengan penjelasan yang minimum. • Banyak menyebut bentuk-bentuk <i>al-qirā’āt</i> dan <i>al-i‘rāb</i> juga menekankan masalah <i>lughawi</i>. • Menjelaskan masalah <i>gharīb al-Qur’ān</i>. • Menyatakan masalah <i>nasakh</i> dan <i>mansukh</i> secara terang. • Menolak pendapat-pendapat yang menyeleweng dan sesat seperti al-Mu’tazilah⁹⁸, al-Qadariyah⁹⁹,

⁹⁵ *Ibid.*, j. 2. h. 327-330.

⁹⁶ *Da‘īf* ialah hadis yang tidak didapati padanya syarat-syarat hadis *ṣaḥīḥ* dan juga syarat-syarat hadis *ḥasan* dan jenis-jenisnya banyak. Di antaranya *al-mauḍū‘*, *al-maqlūb*, *al-shāz al-munkar*, *al-mu‘allal*, *al-muḍṭarib* dan lain-lain. Lihat al-Imām al-Ḥāfiẓ Muḥy al-Dīn Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf al-Hazamī al-Hawaribī al-Shāfi‘ī (1996), *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī*, j. 1. Kaherah: al-Ḥay‘ah al-‘Āmah li Shu‘ūn al-Maṭābi‘ al-Amīriyyah, h. 28.

⁹⁷ al-Dhahabī (2003), *op.cit.*, j. 2. h. 330-336.

⁹⁸ Muncul pada zaman Umayyah dan berkembang pesat pada zaman ‘Abbāsiyyah. Asal *firqah* ini ialah Wasil bin ‘Atā’ al-Ghazāl (m. 131H) apabila dia keluar dari majlis Imam al-Ḥasan al-Baṣrī kerana khilaf dalam masalah pengerja dosa besar adalah bukan mukmin dan bukan kafir serta dia tidak masuk syurga atau neraka bahkan ada kedudukan tertentu di akhirat. *Ibid.*, j. 1, h. 262-264.

		<p>al-Rafidah¹⁰⁰, al-Falasifah¹⁰¹ dan Ghulah al-Mutaşawwifah¹⁰².</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sandaran pentafsiran beliau adalah hadis-hadis Nabi S.A.W., pandangan al-Salaf al-Şālih dan <i>asbāb al-nuzūl</i> bagi sesuatu ayat. • Banyak mengambil syair-syair Arab sebagai <i>shāhid</i>¹⁰³ kepada bukti penggunaan sesuatu perkataan di dalam bahasa Arab. • Meriwayatkan riwayat-riwayat <i>al-isrāīliyyāt</i> dengan jumlah yang sedikit.¹⁰⁴
5.	<p><i>Rawāi' al-Bayān fī Aḥkām al-Qur'ān</i> tulisan Muḥammad 'Alī al-Şābūnī.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menghimpunkan <i>āyāt al-aḥkām</i> dalam bentuk kuliah ilmiah (المحاضرة العلمية). • Mengadunkan kaedah <i>turāth</i> terutama dari sudut kandungan dengan kaedah moden khususnya dari sudut <i>uslūb</i> yang mudah dan susunan yang baik. • Setiap kumpulan <i>āyāt al-aḥkām</i> diulas berdasarkan sepuluh perkara iaitu: <ul style="list-style-type: none"> a. Penjelasan lafaz al-Quran dengan bersandarkan pendapat-pendapat ulama tafsir (<i>al-mufasssīrūn</i>) dan ulama <i>lughah</i>. b. Membentangkan makna umum sepintas lalu. c. Meriwayatkan sebab-sebab turun ayat sekiranya ada. d. Menyatakan hubungkait ayat yang sedang dibincangkan dengan ayat terdahulu dan ayat yang berikut.

⁹⁹ Adalah gelaran kedua bagi al-Muktazilah. Dinamakan dengan al-Muktazilah kerana mereka keluar daripada jemaah. Dinamakan dengan al-Qadariyyah (القدرية) kerana menisbahkan perbuatan makhluk kepada makhluk. *Ibid.*, j. 1, h. 262.

¹⁰⁰ al-Rāfiḍah (الرافضة) ialah pengikut 'Abd Allāh bin Sabā'. Mereka menzahirkan *bid'ah* mereka pada zaman 'Alī R.A. dan ada di kalangan mereka yang mengatakan 'Alī adalah Tuhan. Mereka yang mengatakan 'Alī adalah Tuhan telah terkeluar daripada Islam. Mereka berpecah kepada empat *firqah* iaitu; Zaydiyyah, Imāmiyyah, Kaysaniyyah dan Ghulāh al-Rāfiḍah. Zaydiyyah dan Imāmiyyah adalah dua kumpulan *bid'ah* yang masih lagi di dalam lingkungan umat Islam. Lihat 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad al-Baghdādī al-Isfīray'īnī al-Namīmī (T.T.), *al-Farq Bayna al-Firaq*, Kaherah: Maktabah Dār al-Turāth, h. 41-42.

¹⁰¹ al-Falāsifah (الفلاسفة) adalah *jama'* kepada *failasuf* iaitu; orang yang berpengetahuan dalam ilmu falsafah. Lihat Jamā'ah min Kibār al-Lughawīyīn al-'Arab (2003), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Tūnis: Muassasah Lārous al-'Ālamīyyah, h. 949.

¹⁰² Ghulah al-Mutaşawwifah (غلاة المتصوفة) adalah dua perkataan diambil daripada perkataan *ghulāh* iaitu *jama'* kepada *ghāli* (غال/غالي) yang bermaksud orang yang melampau, melebihi had manakala al-Mutaşawwifah ialah suatu jemaah daripada orang-orang yang bersifat zuhud yang melalui tarikat yang berpegang kepada sifat zuhud, cermat, bersifat dengan sifat-sifat kemuliaan untuk membersihkan diri dan menguatkan hubungan dengan Allah S.W.T. *Ibid.*, h. 901 dan 757. Ini bermakna, perkataan Ghulah al-Mutaşawwifah adalah merujuk kepada sekumpulan ahli *taşawwuf* yang melampaui had daripada tarikat yang sepatutnya.

¹⁰³ *al-Syāhid* ialah bukti daripada perkataan orang Arab yang fasih diambil untuk menetapkan sesuatu kaedah di dalam ilmu *al-Naḥw*. *Ibid.*, h. 705-706.

¹⁰⁴ Lihat al-Dhahabī (2003), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, c. 4, j. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 336-342.

		<ul style="list-style-type: none"> e. Menjelaskan bentuk-bentuk <i>al-qirā'āt</i> yang <i>mutawātirah</i>. f. Membahaskan bentuk-bentuk <i>al-i'rāb</i> secara ringkas. g. Menghuraikan tafsir ayat secara terperinci termasuk rahsia-rahsia ayat, noktah-noktah <i>balāghah</i> dan penemuan-penemuan ilmiah yang berkaitan. h. Menerangkan hukum-hakam <i>al-shar'iyah</i> dan dalil-dalil <i>al-Fuqaha'</i> serta mentarjihkan pandangan mereka dengan dalil yang lengkap. i. Menyenaikan istinbat dan pengajaran ayat secara ringkas. j. Penutup yang mengandungi hikmah pensyariatatan ayat yang dibincangkan. <ul style="list-style-type: none"> • Tidak memasukkan semua <i>āyāt al-ahkām</i> dalam karya ini seperti ayat-ayat <i>farā'id</i> kerana memadai dengan karyanya dalam bidang tersebut, iaitu kitab <i>al-Mawāriṭh</i>¹⁰⁵. • Membentuk rangka karya dan mengolah perbincangan di dalamnya bersesuaian dengan peringkat pelajar dan keupayaan pelajar-pelajar Kuliah al-Sharī'ah di Universiti <i>Mālik Sa'ūd</i>.
6.	<p><i>Tafsīr Āyāt Al-Ahkām</i> tulisan Dr. Muḥammad 'Alī al-Sāyis.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menjelaskan <i>al-mufradāt</i>¹⁰⁶ yang sukar. • Menjelaskan sebab turun ayat sekiranya ada secara ringkas. • Menjelaskan perkara-perkara yang <i>diistinbāt</i> daripada ayat sama ada dari sudut hukum-hakam atau pengajaran ayat dalam bentuk noktah-noktah yang ringkas. • Karya ini hampir-hampir menjadi karya <i>al-fiqh al-muqāranah</i>¹⁰⁷ berikutan perbincangan hukum yang luas dan terperinci dengan bersandarkan pendapat-pendapat ulama empat mazhab. • Tidak menunjukkan kecenderungan mazhab yang beliau pegang bahkan dalam kebanyakan hal, beliau mentarjihkan salah satu pendapat yang difikirkan lebih tepat dan sesuai dengan masa dan tempat.

¹⁰⁵ *al-Mawāriṭh fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* adalah sebuah karya yang ditulis oleh Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī setebal 200 halaman yang khusus membicarakan ilmu *al-Farā'id*. Dicitak k'Alī pertama oleh Dār al-Ṣābūnī yang berpusat di Kaherah pada tahun 1987.

¹⁰⁶ *al-Mufradat* ialah kalimah. Lihat Jamā'ah min Kibār al-Lughawīyyīn al-'Arab (2003), *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*. Tūnis: Muassasah Lārous al-'Ālamiyyah, h. 925.

¹⁰⁷ *al-Fiqh al-muqāranah* bermaksud fiqh perbandingan antara mazhab-mazhab fiqh dalam Islam dalam perkara-perkara yang *dijtihād*kan sama ada dari sudut hukum, dalil, *wajh al-istidlāl* dan lain-lain untuk menilai dan memilih pendapat yang paling baik.

		<ul style="list-style-type: none"> • Kadang-kadang, beliau meninggalkan perbincangan tanpa <i>tarjih</i>. • Tidak memasukkan semua <i>āyāt al-aḥkām</i> kerana karya ini ditulis untuk pelajar-pelajar Kuliyyah al-Sharī‘ah di Universiti al-Azhar dan beliau terpaksa mengikut silibus yang ditetapkan oleh pihak akademik Universiti al-Azhar kepada pelajar-pelajarnya.
7.	<p><i>Nayl al-Marām fī Tafsīr Āyāt al-Aḥkām</i> tulisan Abū al-Ṭayyib Ṣiddīq bin ‘Alī al-Ḥusaynī al-Qanūjī al-Bukhārī.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Berpendirian bahawa jumlah <i>āyāt al-aḥkām</i> hanya dua ratus ayat atau hampir dua ratus ayat sahaja dan menolak pendapat yang mengatakan jumlahnya menjangkau hingga lima ratus ayat.¹⁰⁸ • Hanya menyenaraikan ayat-ayat yang secara jelas membincangkan persoalan hukum untuk memastikan supaya perhatian pembaca menjadi lebih fokus. • Memperjelas makna-makna ayat yang terperinci di samping mengistinbātkan hukum-hakam berkaitan sesuatu ayat dan adab-adab Islam yang diisyaratkan oleh ayat tersebut. • Tidak meluaskan perbincangan khilaf dalam kalangan para ulama bahkan terus mengambil pandangan yang <i>rājih</i> berserta dalil-dalil yang tepat.

1.3 KESIMPULAN

Setelah menelusuri karya-karya tafsir *āyāt al-aḥkām* tulisan sarjana-sarjana Islam yang bermula seawal kurun kedua *al-hijriyyah* sehingga ke hari ini, penulis menyimpulkan bahawa setiap daripada mereka telah mencuba sedaya upaya untuk mencurahkan khidmat dan bakti kepada Kitab Allah S.W.T. Setiap daripada mereka juga mempunyai metode yang tersendiri dalam mentafsirkan mesej Ilahi. Sebahagiannya meletakkan syarat-syarat tertentu dalam pentafsiran dan iltizam dengan syarat-syarat tersebut. Sebahagian yang lain pula meletakkan syarat-syarat dan dalam

¹⁰⁸ Lihat Abū al-Ṭayyib Ṣiddīq bin ‘Alī al-Ḥusaynī al-Qanūjī al-Bukhārī (2003), *Nayl al-Marām min Tafsīr Āyāt al-Aḥkām*, c. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, h. 9.

keadaan tertentu mereka tidak beriltizam dengan syarat-syarat tersebut. Tidak ketinggalan juga sebahagian mereka yang tidak meletakkan apa-apa syarat dalam karya mereka.

Metodologi sebeginilah yang harus difahami oleh umat Islam yang bermuamalah dengan karya-karya ulama. Mengetahui dan memahaminya adalah cukup penting supaya apa jua ilmu dan maklumat yang hendak disampaikan oleh mereka dapat difahami dengan baik.

Alangkah pentingnya metodologi-metodologi para ulama dikaji untuk dijadikan panduan dalam menyampaikan ilmu dan maklumat. Penyampaian yang jelas, tersusun dan mudah adalah merupakan suatu keperluan dan tuntutan dalam apa jua disiplin ilmu lebih-lebih lagi ilmu tafsir al-Quran yang menjadi rujukan utama dalam agama sekaligus merupakan perlembagaan hidup bagi setiap Muslim. Kejayaan Wahbah al-Zuhaylī mentafsirkan al-Quran khususnya *āyāt al-ahkām* dengan metode yang jelas, tersusun dan mudah menjadi bukti kepentingan metode dalam sesuatu pengkaryaan. Hal inilah yang menjadi pendorong utama kepada penulis untuk mengkaji dan mempelajari kaedah-kaedah yang digunakan oleh beliau.